

## **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

### **PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 7 DISEMBER 2018**

#### **Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:  
Bahagian A : 30 Soalan Objektif  
Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek  
Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila Jawab :  
Bahagian A : Semua Soalan  
Bahagian B : 7 Soalan sahaja  
Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua Jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**\*\*\*\* SEMOGA BERJAYA \*\*\*\***

**BAHAGIAN A : SOALAN OBJEKTIF**

1. Sesuatu jawatan kosong untuk di “trade off” bagi maksud mengadakan gelaran jawatan baru yang belum ada di Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkn melalui Setiausaha Tetap kepada pihak yang berkuasa mempertimbangkan iaitu :
  - a. Jabatan Perdana Menteri
  - b. Kementerian Kewangan
  - c. Jabatan Perkhidmatan Awam
  - d. Jawatankuasa Tangga Gaji
  
2. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2018 menyatakan Pegawai dalam Bahagian II yang telah lulus peperiksaan Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan (GO) dan Peraturan-Peraturan Kewangan (FR) dan mendapat Gred “B” dalam kedua-dua peperiksaan tersebut akan dihulurkan Insentif Kewangan Elaun Bulanan selama :
  - a. 1 Tahun
  - b. 2 Tahun
  - c. 3 Tahun
  - d. 5 Tahun
  
3. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007 menggariskan bahawa Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dibolehkan memohon dan mengisikan kekosongan jawatan di Kementerian/Jabatan secara bergaji hari bagi Lepas an Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan. Bagi tujuan dan urusan ini, Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dikehendaki menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Gaji Hari. Pengerusi dan keramaian keahlian jawatankuasa hendaklah sekurang-kurangnya
  - a. Ketua Jabatan/Ketua Bahagian Pentadbiran Kementerian dengan lima (5) orang
  - b. Timbalan Ketua Jabatan/Timbalan Ketua Bahagian Kementerian dengan lima (5) orang
  - c. Pegawai Pentadbir Kanan/Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan dengan enam (6) orang
  - d. Ketua Bahagian Jabatan/Ketua Bahagian Pentadbiran Kementerian dan empat (4) orang
  
4. Dayang Fatimah binti Ahmad adalah seorang pegawai dalam sukatan gaji B.3 dengan gaji sebulan \$3,880 dalam perjawatan tetap dan berkhidmat kurang daripada 15 tahun. Dia mempunyai seorang suami yang bekerja di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan tiga (3) orang anak yang berumur 17 tahun yang menuntut di United Kingdom atas biasiswa kerajaan, 10 tahun dan 18 bulan. Dayang Fatimah memohon Elaun Cuti. Berapakah jumlah elaun cuti yang bakal diterimanya bagi dirinya dan keluarganya?
  - a. \$6,300
  - b. \$6,500
  - c. \$9,000
  - d. \$10,175

5. Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) merupakan skim Tambahan kepada Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP). Berapakan Kadar Caruman serta Jumlah Maksima Caruman setiap bulan bagi pekerja dan majikan?
  - a. Kadar Caruman Pekerja 2.5%, Majikan 2.5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja \$ 98; Majikan \$ 98
  - b. Kadar Caruman Pekerja 3.5%, Majikan 3.5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja \$ 98; Majikan \$ 98
  - c. Kadar Caruman Pekerja 5%, Majikan 5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja dan Majikan tidak terhad
  - d. Kadar Caruman Pekerja 3%, Majikan 3%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja \$ 98; Majikan \$ 98
  
6. Definisi Audit Dalaman menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 10/2003.
  - a. Penilaian yang dipantau oleh Pengarah Pentadbiran, diwujudkan di Kementerian/Jabatan untuk mengukur dan menilai system kawalan dalaman
  - b. Penilaian yang dipantau oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan untuk memperkemas pengurusan kewangan dan organisasi kementerian dan jabatan kerajaan
  - c. Penilaian bebas yang diwujudkan di Kementerian/Jabatan untuk mengukur dan menilai sistem kawalan dalaman
  - d. Penilaian bebas yang diwujudkan untuk menilai prestasi Kementerian/Jabatan
  
7. Seorang Pegawai dalam Bahagian II yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 2 April 2018. Pada 16 Mei 2018 sehingga 29 Mei 2018 dia telah dibenarkan untuk mengambil Cuti Tidak Bergaji bagi melangsungkan perkahwinan kerana Cuti Tahunannya belum mencukupi. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya pada tahun 2019?
  - a. 2 April 2019
  - b. 16 Mei 2019
  - c. 30 Mei 2019
  - d. 1 Jun 2019
  
8. Lantikan memangku hanya dibenarkan bagi pegawai-pegawai tempatan dalam perkhidmatan tetap, sebulan ke sebulan dan berkontrak sahaja yang telah berkhidmat dalam jawatannya selama :
  - a. Tidak kurang daripada 3 bulan
  - b. Tidak kurang dari 6 bulan
  - c. Tidak kurang dari 12 bulan
  - d. Tidak kurang daripada 3 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatannya

9. Merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 12/2017, berapakah tempoh perkhidmatan Kenaikan Pangkat Laluan Laju (KPLL) bagi kenaikan pangkat daripada tanggungaji B.2 EB.3 sehingga tanggungaji Superscale C ?
- 17 tahun 6 bulan
  - 18 tahun
  - 10 tahun 6 bulan
  - 11 tahun
10. Siapakah diberikan kuasa untuk membenarkan memangku jawatan Ketua Jabatan ?
- Menteri di Kementerian masing-masing
  - Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri
  - Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing
  - Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing
11. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 2/2018 menyatakan Insentif Kewangan Elaun Bulanan akan diberikan kepada semua pegawai dalam Bahagian II yang lulus kedua-dua peperiksaan Peraturan Am (GO) dan Peraturan Kewangan (FR) dan mendapat keputusan Gred A atau Gred B bagi kedua-dua kertas peperiksaan iaitu mengikut peratus elaun insentif kewangan dan juga gred keputusan. Berapakan jumlah Insentif Kewangan Elaun Bulanan bagi seorang pegawai yang lulus peperiksaan GO dengan gred A dan peperiksaan FR dengan gred B?
- \$ 100
  - \$ 80
  - \$ 60
  - \$ 40
12. Semua pegawai dan kakitangan kerajaan sebaik sahaja memulakan perkhidmatan dikehendaki mematuhi Akta Rahsia Rasmi Bab 5 (Penggagal 153). Jika peraturan ini gagal dipatuhi pegawai dan kakitangan, apakah hukuman yang boleh dijatuhkan kepadanya ?
- Penjara tidak kurang dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$ 20,000
  - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$ 10,000
  - Penjara tidak lebih dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$ 20,000
  - Penjara tidak kurang dari dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$ 10,000

13. Dengan merujuk kepada Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggagal 83), ada tiga (3) kaedah pengiklanan jawatan kosong. Salah satu kaedah adalah pengiklanan menurut Bab 38 (b). Apakah yang dimaksudkan dengan pengiklanan dibawah bab ini?
- Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai termasuk pegawai/kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan
  - Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat didalam Kementerian dan Jabatan Kerajaan itu sahaja
  - Pengiklanan dibukakan kepada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian dan Jabatan Kerajaan
  - Pengiklanan dibukakan kepada orang ramai yang berkhidmat di sektor swasta sahaja
14. Siapakah Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian II Bergaji Hari jika merujuk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggagal 83)?
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
  - Setiausaha Tetap
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Ketua Jabatan
15. Kumpulan Kerja Cemerlang dilakukan dengan teknik-teknik tertentu kecuali
- Bell-Curve
  - Decision Matrix
  - Tree Diagram
  - Pengumpulan data, analisis dan pembentangan
16. Cuti Beranak diberikan kepada Pegawai dan Kakitangan Perempuan didalam Perkhidmatan Awam yang sah berkahwin disisi Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. Berapakah tempoh Cuti Beranak bagi pegawai dan kakitangan perempuan jika beliau mengalami keguguran sewaktu usia kandungan lebih daripada 24 minggu?
- Hanya diberikan Cuti Sakit
  - 105 hari
  - 8 minggu
  - 56 hari
17. Siapakah yang boleh memberi kebenaran Cuti Tanpa Catat?
- Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - Jurukira Agung
  - Ketua Jabatan

18. Salah satu terma Program Peminjaman pegawai dari Sektor Kerajaan ke Sektor Swasta ialah bayaran surcaj akan dikenakan kepada organisasi peminjam tersebut dan dibayarkan kepada Perbendaharaan Kerajaan. Berapakah kadar surcaj sebulan yang dimaksudkan ?
- 30% gaji pokok pegawai
  - 25% gaji pokok pegawai
  - 15% gaji pokok pegawai
  - 10% gaji pokok pegawai
19. Berapakah tempoh maksima Cuti Batuk Kering bagi pegawai atau kakitangan dalam jawatan open-vote dengan menerima gaji penuh?
- 12 Bulan
  - 9 Bulan
  - 6 Bulan
  - 3 bulan
20. Bagi kemudahan perumahan dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam, berapakah bayaran penghuni sebulan bagi Timbalan Setiausaha Tetap yang mendiami rumah kelas AA?
- \$ 200
  - \$ 180
  - \$ 150
  - \$ 130
21. Berapakah tempoh ikat janji (bond) dengan Kerajaan bagi pegawai/kakitangan yang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) selama 6 tahun sehingga kurang daripada 7 tahun ?
- 9 tahun
  - 11 tahun
  - 15 tahun
  - 17 tahun
22. Jika seorang pegawai/kakitngan dibenarkan untuk mengambil Cuti Khas menemani suami/isteri bertugas diluar negeri, pegawai/kakitangan tersebut akan
- Terus menerima 100% gaji dan elaun-elaun
  - Terus menerima 3/5 gaji dan elaun-elaun
  - Terus menerima 3/5 gaji sahaja
  - Dihentikan gaji serta elaun-elaun

23. Seorang pegawai/kakitangan mengalami kesusahan kewangan yang berat adalah dalam keadaan-keadaan berikut kecuali
- Jumlah hutang dan tanggungan tidak bercagar adalah lebih tiga (3) kali ganda gaji dan elaun bulanan
  - Mendapat hukuman sebagai pengambil hutang sehingga hutang itu diselesaikan
  - Seorang muflis atau pemakan gaji tidak dapat menjelaskan hutangnya sehingga lepas daripada muflis
  - Membuat pinjaman peribadi kepada pihak bank bagi tujuan membeli rumah yang berharga lebih daripada 60 bulan gaji pegawai/kakitangan berkenaan
24. Pada 1 Januari 2018, perkhidmatan Dayang Rubiah binti Ahmad telah mencapai 10 tahun dan pada masa ini dia berjawatan tetap dalam Bahagian III dengan gaji pokok \$1,990. Dia mempunyai seorang suami yang bekerja di sektor swasta serta tiga (3) orang anak yang berumur 8 tahun, 6 tahun dan 18 bulan. Sila nyatakan jumlah Elaun Tambang yang akan diterimanya
- Tidak akan dihulurkan Elaun Tambang
  - \$ 21,700
  - \$ 12,640
  - \$ 6,320
25. Elaun Pelajaran sehingga peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) akan dibayar kepada anak-anak yang menuntut diluar negeri yang berumur :
- 3 - 25 tahun
  - 10 - 25 tahun
  - 5 - 28 tahun
  - 10 - 28 tahun
26. Tempoh lantikan memangku bagi Jawatan-jawatan yang lain dalam Bahagian I, II, III dan IV adalah selama :
- 1 hari atau lebih
  - 7 hari atau lebih
  - 10 hari atau lebih
  - 11 hari atau lebih
27. Kadar Baksis yang diberikan kepada Pegawai Kontrak Asing dalam Bahagian IV dan ke bawah bagi Kontrak Kedua adalah:
- 30% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan Perkhidmatan penuh
  - 25% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan Perkhidmatan penuh
  - 20% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan Perkhidmatan penuh
  - 15% daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan Perkhidmatan penuh

28. Bagi pegawai/kakitangan yang sedang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut dan berhasrat untuk meninggalkan negeri tempat berkursus semasa sesi kursus perlu mendapatkan kebenaran daripada institusi di mana pegawai/kakitangan mengikuti program latihan/kursus/pengajian dan
- memaklumkan Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di negara tempat pengajian
  - mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
  - memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan
  - Kebeneran tidak perlu diperolehi
29. Syarat Kelayakan bagi mendapatkan kemudahan perumahan bagi warga perkhidmatan awam yang dibawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut kecuali:
- Pegawai Lelaki dalam Bahagian I,II,III dan IV dalam Perkhidmatan Tetap atau Kontrak Asing
  - Pegawai Lelaki dalam Bahagian I,II,III dan IV dalam Perkhidmatan Kontrak Tempatan
  - Pegawai Wanita dalam Bahagian I dan II dalam Perkhidmatan Tetap
  - Pegawai Wanita dalam Bahagian III dan IV yang berstatus janda atau balu dan mempunyai tanggungan anak
30. Merujuk kepada SKJPM Bil 9/2017 berkenaan Garispanduan Melaksanakan Surcaj Dalam Perkhidmatan Awam, Jawatankuasa-Jawatankuasa yang ditubuhkan adalah seperti berikut :
- Jawatankuasa Penyiasat Surcaj, Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj
  - Jawatankuasa Penyiasat Surcaj dan Jawatankuasa Mempertimbangkan Rayuan
  - Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj, Jawatankuasa Penyiasat dan Jawatan Mempertimbangkan Rayuan
  - Jawatankuasa Inkuiri Surcaj, Jawatankuasa Mempertimbangkan Surcaj dan Jawatankuasa Mempertimbangkan Rayuan



## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk **menjawab tujuh (7) soalan sahaja** daripada sepuluh (10) soalan. Setiap soalan mempunyai **5 markah**.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Merujuk SKJPM bilangan 12/2018 berkenaan SYARAT-SYARAT PENETAPAN JAWATAN BAGI KATEGORI JAWATAN YANG MEMERLUKAN KELULUSAN PROFESIONAL. Sila nyatakan syarat-syarat asas bagi sokongan penetapan jawatan.
2. Tindakan yang perlu diambil Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan jika pegawai/kakitangan tidak hadir bekerja dengan tidak mendapat kebenaran (termasuk tidak hadir bekerja tanpa kebenaran sebelum keputusan diberikan terhadap permohonan untuk menamatkan perkhidmatan).
3. Sila nyatakan peraturan dan syarat bagi pelanjutan mata gaji EB Khas termasuk tarikh kenaikan EB Khas bagi Bahagian I sehingga V. Sila nyatakan siapa yang boleh membenarkan Pelanjutan Mata Gaji EB Khas bagi warga Perkhidmatan Awam.
4. Senaraikan majlis-majlis rasmi negara yang mana semua pegawai dan kakitangan yang dijemput mestilah menghadiri kecuali atas alasan-alasan yang munasabah. Majlis-majlis rasmi negara yang manakah telah ditetapkan supaya semua pegawai dan kakitangan termasuk yang tidak dijemput, mesti berada dalam negeri bagi sama-sama mengambil bahagian dan memeriahkan majlis-majlis berkenaan.
5. Syarat-Syarat Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardhu Haji Bagi Pegawai/Kakitangan Perkhidmatan Awam.
6. Apakah TPOR dan huraikan Definisi dan Fokus TPOR.
7. Kerahsiaan Maklumat Kerajaan dan Tindakan Jika Sabit Bersalah (Bab 5, Akta Rahsia Rasmi (Penggali 153)).
8. Sila terangkan Kuasa Membenarkan Memangku Jawatan Setiausaha Tetap/Timbangan Setiausaha Tetap, Ketua Jabatan, Timbalan/Penolong Ketua Jabatan, semua jawatan dalam Perkhidmatan Pentadbiran Brunei (BAS), semua jawatan lain bagi tempoh melebihi 180 hari atau bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seseorang pegawai untuk ditetapkan (substantive acting) dalam jawatan yang dipangkunya.
9. Skim Perkhidmatan.
10. Pakaian Bekerja Rasmi.

### BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki **menjawab dua (2) soalan sahaja** daripada tiga (3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17 ½ markah.

#### SOALAN 1 – Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP)

1. Nyatakan tarikh SCP dikuatkuasakan, diwajibkan kepada sektor mana dan siapakah yang layak?  
**(3 markah)**
2. Nyatakan Kadar Caruman dan berapakan pecahan yang dimasukkan ke akaun ahli serta Survivorship Benefit.  
**(2 markah)**
3. Sila huraikan jumlah Caruman Minimum dan bagaimanakah tatacara menangani jika 3.5% daripada gaji bulanan ahli adalah kurang daripada BND 17.50.  
**(3 ½ markah)**
4. Bagaimana pula SCP bagi yang bekerja sendiri?  
**(1 markah)**
5. Nyatakan Jumlah Maksima Caruman.  
**(2 markah)**
6. Huraikan Manfaat Skim SCP bagi ahli dan Manfaat Keberterusan bagi tanggungan ahli (Survivorship Benefit)?  
**(6 markah)**

## SOALAN 2 – HAL EHWAL CUTI

1. Dalam bentuk matriks, sila nyatakan kadar kelayakan Cuti Tahunan mengikut Bahagian bergaji penuh bagi setiap 12 bulan kalendar bagi yang berumur di bawah umur 40 tahun dan 40 tahun keatas.  

**(4 markah)**
2. Senaraikan juga tujuh (7) keadaan dimana pegawai-pegawai tidak mendapat kelayakan cuti.  

**(3 ½ markah)**
3. Sila nyatakan sebab Cuti Tanpa Catat boleh diberikan kepada pegawai/kakitangan perkhidmatan awam.  

**(3 ½ markah)**
4. Lakarkan dalam bentuk matriks, Kadar Elaun Cuti bagi pegawai/kakitangan dalam Perjawatan Tetap mengikut Bahagian I hingga V dan Sukatan Gaji berserta ahli keluarganya (termasuk anak-anak mengikut umur).  

**(6 ½ markah)**

**SOALAN 3 – INSENTIF KEWANGAN ELAUN BULANAN PERATURAN-PERATURAN AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) DAN PERATURAN-PERATURAN KEWANGAN (FR), SKJPM BILANGAN 2/2018**

1. Peperiksaan GO dan FR dibukakan kepada siapa dan berapakah kekerapan Peperiksaan GO dan FR serta dikendalikan oleh Jabatan mana?  
**(1 ½ markah)**
  
2. Sila nyatakan lapan (8) kategori Jawatan yang mandatori lulus dalam Peperiksaan GO dan FR.  
**(4 markah)**
  
3. Bilakah peperiksaan peringkat lanjutan boleh dibenarkan diambil? Siapakah yang layak menduduki peperiksaan di peringkat lanjutan?  
**(1 markah)**
  
4. Gred yang dikira lulus ialah sekurang nya Gred D. Berapakah peratus markah bagi Gred A,B,C dan D?  
**(2 markah)**
  
5. Berapa lamakah Elaun Insentif Bulanan akan dihulurkan dan berapakah jumlah Elaun Insentif Kewangan Bulanan yang dihulurkan mengikut Gred markah bagi Kertas GO dan FR?  
**(4 ½ markah)**
  
6. Bagi pegawai yang berhasrat meningkatkan gred untuk mendapatkan Insentif Kewangan Elaun Bulanan, hanya dibenarkan untuk menduduki peperiksaan semula sebanyak berapa kali?  
**(½ markah)**
  
7. Sila nyatakan syarat yang tidak melayakkan seorang pegawai untuk mendapat Insentif Kewangan Elaun Bulanan.  
**(4 markah)**